

Oleh Sarah Aina Shawal  
sarah.aina@bh.com.my

► Nilai

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) muncul juara keseluruhan Karnival Sukan Mahasiswa Negeri Sembilan (SUKNES@U) 2015 selepas berjaya memenangi pelbagai acara dalam karnival berkenaan.

USIM meraih tempat pertama dalam acara pingpong beregu lelaki, tempat kedua, masing-masing dalam pingpong perseorangan dan bola tampar lelaki, manakala tempat ketiga, bola tampar perempuan.

Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Musa Ahmad, berkata penganjuran kali kedua karnival berkenaan disertai 1,200 anak jati Negeri Sembilan yang menuntut di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) seluruh negara.

**Erat perpaduan**

Selain USIM, katanya, IPTA lain ialah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZa), Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPS), Universiti Utara Malaysia (UUM), Univer-



Sebahagian daripada peserta SUKNES@U 2015.

# USIM juara SUKNES@U 2015

siti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Malaya (UM).

“Sembilan acara dipertandingkan pada kali ini antaranya, futsal, bola jaring, bola tampar, sepak takraw, pingpong dan tidak ketinggalan sukan rakyat seperti tarik tali, tarik pih, guli

dan galah panjang.

“Saya percayai aktiviti sebegini dapat mengeratkan silaturahmi dan perpaduan dalam kalangan anak-anak Negeri Sembilan,” katanya pada majlis perasmian penutup SUKNES@U 2015 yang disempurnakan Men-

teri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan.

**Gaya hidup sihat**

Beliau berkata, USIM menerusi pusat sukan akan berusaha membudayakan aktiviti sukan seperti senaman aerobik dan berbasikal di sekitar kampus yang akan diadakan setiap petang Rabu.

Katanya, usaha ini bertujuan mengalakkan gaya hidup sihat selain meningkatkan tahap kesihatan badan berseesuaian dengan pepatah Arab ‘Al-Aqilu Salim fi Jismi Salim’ yang bermaksud otak yang cerdas terletak pada badan yang cergas.

“Beberapa perancangan sudah dibentangkan menjelang 2016, yang mana USIM mensasarkan untuk menjadi Pusat Rujukan Integrasi Naqli dan Aqli di peringkat serantau, selain memperkasa sukan sunnah

**KEPUTUSAN PENUH SUKNES@U 2015**

<b>Futsal</b> 1. UIAM 2. UPM 3. UM	2. KUIS 3. USIM	<b>Pingpong Perseorangan Lelaki</b> 1. UM 2. USIM 3. KUIS
<b>Takraw</b> 1. UTHM 2. UMK 3. UMS	<b>Bola Tampar Lelaki</b> 1. UITM 2. USIM 3. UUM	<b>Pingpong Beregu Perempuan</b> 1. UMT 2. KUIS 3. UTEM
<b>Bola Jaring</b> 1. UNISEL 2. KUIM 3. KUIS	<b>Pingpong Perseorangan Perempuan</b> 1. UUM 2. UNIMAP 3. UTHM	<b>Pingpong Beregu Lelaki</b> 1. USIM 2. UPSI 3. UMS
<b>Bola Tampar Perempuan</b> 1. UITM		

seperti memanah dan renang dalam kalangan warga USIM dan masyarakat sekitar,” katanya.

SUKNES@U 2015 dianjurkan bersama Pertubuhan

Mahasiswa Negeri Sembilan (MANIS) dengan kerjasama Pusat Sukan USIM, Kerajaan Negeri Sembilan dan Yayasan Negeri Sembilan (YNS).

